

17

SOALAN NO:14

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : Lisan

**DARIPADA** : Datuk Mohd Idris Bin Jusi [ Batu Pahat ]

**Tarikh** : 30 November 2017

**SOALAN** :Datuk Mohd Idris Bin Jusi minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan keberkesanan Pertubuhan Peladang Kawasan berjaya “menggalak, mempergiat, memudah dan mengusaha kemajuan ekonomi dan sosial” peladang dan Pertubuhan Peladang. Setakat mana penglibatan orang-orang politik setempat dapat membantu tercapainya matlamat tersebut.

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Kerajaan komited dalam memastikan kemajuan, kepentingan ekonomi dan sosial serta kebajikan ahli peladang kawasan. Setiap tahun pelbagai bantuan dan sokongan telah diperuntukkan melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Program yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) bersama ahli peladang bukan sahaja berjaya meningkatkan ekonomi peserta malah turut meningkatkan keupayaan kepakaran dan kecekapan mereka dalam aktiviti yang diceburi. Sebanyak 265,184 penerima faedah telah mendapat manfaat melalui program sosial pada tahun 2016. Penglibatan golongan belia dalam sektor pertanian juga berjaya ditingkatkan melalui program Kortani, Tabung Pembangunan Usahaniaga Peladang (TPUP) dan MyAgrosis iaitu seramai 7,709 orang belia.

Di kalangan Ahli Jemaah Pengarah (AJP), PPK terdapat ahli-ahli politik tempatan. Penglibatan mereka banyak membantu dalam mencapai matlamat program atau aktiviti anjuran bersama Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan PPK. Mereka turut membantu dalam mengetengahkan idea bagi pelaksanaan program dan aktiviti, mengwar-warkan program yang dianjurkan serta menggembelng penglibatan masyarakat peladang dan setempat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2017  
[ KHAMIS ]**

**DARIPADA : YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN  
[PADANG BESAR]**

**SOALAN :-**

**YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN [PADANG BESAR] minta  
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :**

- (a) apakah program yang disediakan oleh Kementerian kepada usahawan mikro dari segi aspek pengurusan alam sekitar dan pembangunan perniagaan; dan
- (b) apakah program kesedaran kebersihan, keceriaan dan perundangan yang boleh dilaksanakan oleh Kementerian supaya para usahawan mikro tidak terjebak kepada pinjaman kewangan dengan ah long.

**JAWAPAN :-****Soalan a**

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa berusaha untuk memastikan para peniaga termasuk usahawan mikro untuk mengambilkira implikasi ke atas kelestarian alam sekitar dalam sektor perniagaan dengan memberi pendedahan berhubung kaedah untuk menguruskan sisa pepejal secara efisien dan efektif melalui kempen berikut:-

- i) "*Value Food No Waste*" di gerai-gerai makanan dan bazar-bazar Ramadan;
- ii) program Pengasingan Sisa Pepejal di Punca; dan
- iii) pengkomposan sisa makanan di restoran-restoran dan kedai-kedai makan.

## PENGIKTIRAFAN

- i) "Pengiktirafan Amalan Pengurusan Sisa Pepejal Terbaik Ke Arah Pelaksanaan Sisa Sifar" kepada pihak industry; dan
  
- ii) "Penghargaan Amalan Pengurusan Sisa Pepejal Terbaik Ke Arah Pelaksanaan Sisa Sifar" kepada premis komersial dan institusi yang terpilih.

## PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

Kementerian telah melaksanakan dua program:-

- i) **Program AZAM Bandar**

Untuk meningkatkan kemahiran kumpulan sasar supaya mampu mendapat pekerjaan atau mengusahakan perniagaan yang boleh memberikan pendapatan yang lebih tinggi

- ii) **Program Kios Penjaja Bandar**

Untuk menggalakkan penyertaan golongan B40 dalam projek-projek keusahawanan bagi menjana pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup di bandar serta mendapatkan kios penjaja yang selamat dan selesa untuk menambah pendapatan.

Bermula tahun 2017, KPKT melaksanakan kios bertenaga solar yang dilihat sebagai salah satu langkah untuk mengaplikasikan konsep teknologi hijau dalam kehidupan masyarakat.

iii) **Kios Solar**

Penggunaan kios bertenaga solar yang rendah karbon dan lebih mesra alam berbanding teknologi sedia ada. Ia juga dapat membantu mengurangkan beban peserta untuk membayar kos pemasangan dan penggunaan elektrik.

Bagi tujuan ini, KPKT telah memperuntukkan RM2 juta untuk 133 buah kios. Setiap peserta turut akan diberikan kursus, kos pembinaan kios dan peralatan perniagaan mengikut jenis perniagaan yang dipilih.

iv) **Portal Orang.e**

Satu platform yang memberi peluang kepada penduduk bandar khususnya golongan B40 untuk meningkatkan pendapatan melalui promosi perkhidmatan atau produk yang dihasilkan melalui bakat serta kemahiran masing-masing secara percuma dan atas talian. Terdapat 12 kategori perkhidmatan dan 76 subkategori perkhidmatan yang ditawarkan dalam portal ini.

**Soalan b**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program-program kesedaran terhadap kebersihan persekitaran yang telah dan sedang dijalankan oleh Kementerian adalah meliputi pelbagai golongan sasaran dengan memberi fokus untuk memupuk dan membudayakan amalan 3R (Reduce, Reuse, Recycle). Berikut merupakan program-program yang dijalankan bagi tempoh 1 Januari 2016 sehingga 30 September 2017:

- a) 3R@Kids
- b) 3R@Edu
- c) 3R@Komuniti
- d) 3R@Gov
- e) 3R@drivethru
- f) 3R@IPT
- g) 3R@Industri

Menerusi program 3R yang dilaksanakan secara bersepadu tersebut, ia turut membuka ruang kepada para individu termasuk usahawan mikro untuk menjadikan kerjaya sebagai vendor kitar semula sebagai sumber pendapatan tambahan.

Bagi mengelakkan golongan ini dari terjebak dengan aktiviti pinjaman kewangan dengan "Ah Long", Kementerian telah mengadakan program

seranta awam untuk meningkatkan kesedaran masyarakat supaya memahami hak-hak seorang peminjam dan tidak terjerat dalam membuat pinjaman dengan Pemberi Pinjam Wang (PPW) tidak berlesen.

Antara program-program yang pernah dijalankan ialah:-

- i) siaran akhbar; mengambil bahagian dalam wawancara televisyen dan radio;
- ii) kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam membanteras isu poster dan iklan PPW haram; dan
- iii) usahasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dalam menyekat nombor-nombor telefon yang dipercayai digunakan dalam aktiviti PPW haram. Kementerian turut bekerjasama dengan pihak Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dalam membanteras masalah PPW haram (lazimnya dikenali sebagai Ah Long) di negara ini.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017